

IORA'

Bil. 10/2022
OKTOBER



Sembang Santai LIVE@PTAR: Bicara Al-Quran &
Al-Hadith tentang Kejuruteraan
PKEJ Shah Alam - muka 6



PTAR Rembau Fest 2022
PTAR Rembau - muka 8



Lawatan kerja ketua Pustakawan ke PTAR UiTM
Bandaraya Melaka
PTAR Kampus Bandaraya - muka 12



Taklimat Perpustakaan Sempena Program
Penetapan Destini Siswa
PTAR Kota Bharu - muka 22



Majlis Sekalung Budi, Sejambak Kasih Sempena
Persaraan Staf
Per. Cendekiawan, Dungun- muka 27

PROMOSI@PTAR



Kata alu-aluan Ketua Timbalan Pustakawan

Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera.

Saya memanjatkan sepenuh kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah rahmat-Nya, IQRA' telah berjaya diterbitkan hasil kerjasama antara sidang redaksi IQRA' dan penulis di Perpustakaan UiTM keseluruhannya. Setiap keluaran IQRA' menghimpunkan pelbagai berita yang berlangsung di Perpustakaan UiTM, samada berbentuk program, aktiviti, latihan, lawatan, ceramah, sukan, pencapaian dan khidmat masyarakat.

IQRA' ialah wadah penghubung antara Perpustakaan UiTM dan pembaca. Berita-berita yang diterbitkan mencerminkan kesungguhan perpustakaan melaksanakan amanah mengemudi perpustakaan demi melihat kejayaan anak bangsa pada masa hadapan. Tidak lengkap rasanya jika himpunan berita ini tidak diterbitkan demi rujukan generasi akan datang.

IQRA' telah diterbitkan secara digital dalam format buku elektronik sejak tahun 2016. Ini bermakna telah enam tahun IQRA' menyimpan berita tentang Perpustakaan UiTM secara atas talian . Kini IQRA' telah diterbitkan dalam format portal berita digital dan menjadikan akses pembaca kini lebih pantas.

Suatu hari nanti, IQRA' akan mempunyai nilainya yang tersendiri terutama di kalangan penyelidik yang ingin merujuk tentang Perpustakaan UiTM. IQRA' dan penulisan perlu bergerak seiring. Penulisan ialah salah satu aktiviti pembudayaan ilmu. Penulisan bermula hasil cetusan daripada pembacaan menerusi pelbagai medium maklumat, samada ber cetak mahupun elektronik. Melalui penulisan, ilmu pengetahuan individu akan berkembang dan mendorong kepada penciptaan maklumat baharu. Memetik kata-kata penulis tersohor Indonesia, Pramoedya Ananta Toer, "Orang boleh pandai setinggi langit, tapi selama ia tidak menulis, ia akan hilang dalam masyarakat dan dari sejarah. Menulis adalah bekerja untuk keabadian".

Akhir kata, syabas dan tahniah saya ucapkan kepada sidang redaksi IQRA' serta para penulis yang telah menyumbang kepada penerbitan IQRA' kali ini. Semoga jasa baik tuan/puan akan dibalas dengan sebaik-baik balasan jua.

Wassalam.

Encik Jamalludin bin Haji Sulaiman,
Ketua Timbalan Pustakawan.
Menjalankan Tugas Ketua Pustakawan UiTM.



Encik Jamalludin Haji Sulaiman
Ketua Timbalan Pustakawan UiTM



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Perpustakaan
Tun Abdul Razak

Sidang Redaksi

IQRA'

PENASIHAT

En. Jamalludin bin Hj. Sulaiman

EDITOR

En. Norhazlan bin Nordin

PENYELARAS

Pn. Asmah binti Sabtu

REKA BENTUK GRAFIK

Pn. Noor Azureen binti Abd. Aziz

Shah Alam	: Asmah Sabtu, Nurul Fariyah Sarmin Panut, Nor Hafizah Md. Hanafiah, Rizana Mohd Radwan, Nur Azian Azis
Melaka	: Hazlin Ibrahim Khan, Siti Haidah Md Aziz, Ilya Nur Fateen Othman
Perlis	: Khairil Izwan Hasan
Sabah	: Marlia Yuming, Alfera Zurhain Sairin
Kedah	: Mohd Amiruddin Mohd Nasir
Pulau Pinang	: Nor Azilawati Mohamad Azmi, Nurhayati Hassan
Kelantan	: Norfitriah Mat Seman, Rosmariyati Ab Rahman
Perak	: Muhamad Azim A'nsori, Nur Dayana Mohd Narwawi
Sarawak	: Hapsah Suut, Dyg Azimah Abg Yusof, Normah Saadie
Pahang	: Muniratul Husna Mohamad Zaki, Mohd Anwar Hassim
Terengganu	: Mohd Shahnizam Mat Zain, Asmahani Abdullah, Nurmaisari Che Anuar
Johor	: Siti Rozana Mat Sanat, Nor Azelea Mohd Azahar
N. Sembilan	: Syaiful Hisyam Saleh, Mohd Hafiz Kasirun, Muhammad Syafiq Amirullah
Selangor	: Hafiza Mustape, Nur Fatihah Muhamad, Fatin Hanisah Ahmmad Rofee, Wan Rohani Wan Chin, Norliza Othman, Adi Azri Mohamad, Suzana Ishak, Nurkhairunisa Jaafar

KEKERAPAN KELUARAN: 12 KELUARAN SETIAP TAHUN

PENERBIT

Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR),
Universiti Teknologi MARA,
40450, Shah Alam
Selangor Darul Ehsan.

PROGRAM JOM PINJAM@PST 31 OKTOBER 2022

Disediakan oleh: Nor Hafizah Md Hanafiah

BULETIN

IQRA

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
SAINS & TEKNOLOGI, SHAH ALAM



Program Jom Pinjam@PST telah dijalankan pada 31 Oktober 2022 (Isnin) bertempat di Ruang Legar PTAR Sains & Teknologi (PST) jam 10.00 hingga 12.00 tengah hari. Program ini berlangsung selama 2 jam dan dihadiri seramai lebih 50 orang pelajar.

Program ini adalah pertama kali dijalankan dan ianya merupakan salah satu program Read@UiTM berperanan memupuk budaya membaca di kalangan warga UiTM khususnya para pelajar. Koleksi buku baharu dan bahan 'bestseller' dipamerkan sepanjang program berlangsung.

Selain itu perkhidmatan perpustakaan digital juga disebarluaskan iaitu Mobile Apps bagi memudahkan pengguna dalam memperolehi sumber maklumat yang diperlukan dalam pembelajaran.

Sebanyak 18 judul buku berjaya dipinjam oleh pengguna perpustakaan. Sedikit sumbangan hadiah diberikan kepada peminjam buku bagi tanda penghargaan kepada mereka.

Diharapkan program ini sedikit sebanyak dapat menyumbang ke arah galakan budaya membaca dan cintakan ilmu. Sambutan dan maklumbalas amat baik daripada para pengguna perpustakaan dan berharap agar program seumpama ini dapat dijalankan lagi di masa akan datang.



**PROGRAM PEMANTAPAN DESTINI SISWA (PDS) KOLEJ
PENGAJIAN KEJURUTERAAN TUN ABDUL RAZAK
12 OKTOBER 2022**

Disediakan oleh: Rizana Mohd Radwan

BULETIN

IQRA

**PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
PER. KEJURUTERAAN SHAH ALAM**



Program Pemantapan Destini Siswa (PDS) bagi Kolej Pengajian Kejuruteraan Tun Abdul Razak UiTM Shah Alam telah berlangsung pada 12 Oktober 2022 (Rabu) selama 30 minit bermula dari jam jam 10.30 pagi. Program ini dilaksanakan secara talian menggunakan aplikasi Zoom. Program ini telah disampaikan oleh Puan Rizana Mohd Radwan, Pustakawan Kanan dari Perpustakaan Kejuruteraan Tun Abdul Razak dan dibantu oleh moderator PKEJ, En. Mohd Fitri Ruslan dan En. Asmawi Bin Mohamed.

Tujuan utama taklimat ini diadakan adalah bagi memberi pendedahan awal kepada mahasiswa dan mahasiswa baharu bagi sessi 2022/2023 tentang kepentingan perpustakaan, dari segi koleksi, perkhidmatan dan kemudahan serta bahan koleksi digital yang tersedia untuk kegunaan para pelajar sepanjang pembelajaran mereka di Kolej Pengajian Kejuruteraan, UiTM Shah Alam.

Sejajar dengan konsep Perpustakaan Digital, pihak Perpustakaan Kejuruteraan juga telah mempromosi penggunaan Mobileapps, My Knowledge Management, pencarian koleksi kertas soalan (Exam paper) dan Portal Repositori Institusi UiTM.

Seramai 680 pelajar baharu hadir dalam program ini yang disiarkan secara langsung melalui pautan Facebook Kolej Pengajian Kejuruteraan -Media Rasmi. Semoga perkongsian yang disampaikan ini dapat memberi impak dan input berguna buat para pelajar baharu sesi 1 22/23.

SEMBANG SANTAI LIVE@PTAR: BICARA AL-QURAN DAN AL-HADITH TENTANG KEJURUTERAAN

12 OKTOBER 2022

Disediakan oleh: Rizana Mohd Radwan

**BULETIN
IQRA**

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
PER. KEJURUTERAAN SHAH ALAM



12 Oktober 2022 – Rabu jam 3:00 petang, bertempat di Studio Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR Utama) telah berlangsung segmen Sembang Santai Live @ PTAR bertajuk Bicara Al-Quran dan Al-Hadith tentang Kejuruteraan.

Segmen Sembang Santai ini adalah anjuran bersama Perpustakaan Tun Abdul Razak Kejuruteraan (PKEJ) Shah Alam dan Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS).

Panel jemputan sepanjang perkongsian pengalaman selama 60 minit ini terdiri dari Professor Madya Dr. Mohd Asmadi Bin Yakob yang mengupas tentang topik Pengajian Al-Quran manakala dari perspektif Pengajian Sanad dan Hadith pula diperjelaskan oleh Professor Madya Dr. Najahudin Bin Lateh.

Untuk menonton semula :



Kedua-dua panel telah mengupas tentang topik berkisar tentang kehebatan kejuruteraan Islam dengan lancar dan berkesan dalam bidang masing-masing.

Moderator program pada segmen kali ini dikendalikan oleh En. Mohd Fitri Ruslan, Pembantu Pustakawan Tertinggi, Perpustakaan Kejuruteraan UiTM. Di akhir program, peserta diberikan jam Latihan dan juga e-sijil.



Pada 27 Oktober 2022, Perpustakaan Tun Abdul Razak Kejuruteraan (PKEJ) Kampus Shah Alam telah mengadakan Program BOOK2U@PKEJ. Sasaran program pada kali ini adalah bagi pelajar dari Fakulti Kejuruteraan Kimia . Program ini diadakan bertujuan untuk mendekati pengguna perpustakaan dan warga UiTM dengan aktiviti-aktiviti santai dan menarik berkisar tentang PKEJ. Program juga menyasarkan jumlah pinjaman bahan pada hari tersebut dengan membuat promosi pinjaman terbanyak akan diberikan hamper dan angpow yang menarik. Program dimeriahkan dengan kuiz dan peserta juga akan mendapat cenderamata sekiranya jawapan yang diberikan tepat.

Perpustakaan Tun Abdul Razak Kejuruteraan juga turut menerima 1 kumpulan pelajar bagi aktiviti Lawatan Berpandu Perpustakaan yang dikendalikan oleh Encik. Mohd Fitri Rusli. Selain daripada itu, kakitangan bertugas telah Bersama-sama mempromosikan penggunaan PTAR Mobile Apps di kalangan semua pengunjung. Dianggarkan jumlah pengunjung adalah seramai 100 orang dan jumlah pinjaman adalah 50 naskhah bahan. Jumlah peserta lawatan berpandu pula adalah seramai 8 orang.

Rata-rata, semua pengunjung terhibur pada hari tersebut. Dan diharapkan progeam yang berlangsung selama 2 jam ini dapat menggunakan perkhidmatan yang disediakan. Semoga program seumpama ini dapat meningkatkan penyertaan warga kampus dalam aktiviti-aktiviti galakan membaca anjuran perpustakaan.





Rabu, 19 Oktober 2022: Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) dengan kerjasama persatuan PTAR Buddies UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Rembau telah menganjurkan hari bertemu pelanggan, PTAR Rembau Fest 2022.

Antara aktiviti yang diadakan semasa hari tersebut termasuklah pertandingan PTAR Rembau Table Tennis Championship, pertandingan Book Review: Share What You Read, pameran dari Agensi Antidahad Kebangsaan dan pertandingan catur yang dianjurkan bersama Jawatankuasa Perwakilan Komander Kesatria, UiTM Kampus Rembau.

Turut diadakan sesi ceramah motivasi bertajuk "When Life Gives You Lemons, Made Lemonades" yang disampaikan oleh Encik Nasrullah Zainal Abidin, Pegawai Psikologi UiTM Kampus Rembau. Rata-rata penonton yang menyertai sesi tersebut memberikan respon yang amat positif, selain mengambil kesempatan untuk bertanya dan mendapatkan khidmat nasihat semasa sesi dua hala.

Selain itu, beberapa persatuan pelajar seperti Jawatankuasa Sukan Pelajar (JSP), Media & Communication Student Club (MCSC), NS Digital, Kelab Debat & Orator (KDO), PEERS dan Ikatan Persatuan Mahasiswa Muslim (IPMM) turut serta di dalam program PTAR Rembau Fest dengan membuka booth dan menjalankan aktiviti masing-masing seperti pameran, permainan, kuiz dan sesi promosi kelab dan persatuan untuk pencarian ahli baharu.

Pihak penganggar ingin merakamkan penghargaan kepada semua yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan program ini.



TAKLIMAT PERPUSTAKAAN MINGGU DESTINI SISWA (MDS)

PTAR UiTM CAWANGAN MELAKA KAMPUS JASIN

6 OKTOBER 2022

Disediakan oleh: Abdul Azim bin Ab. Ghani

BULETIN

IQRA

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
KAMPUS JASIN, MELAKA



6 Oktober 2022 – Minggu Destini Siswa (MDS) merupakan minggu yang wajib dihadiri setiap pelajar baru yang telah mendaftarkan diri sebagai pelajar UiTM. Pihak Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) UiTM Cawangan Melaka Kampus Jasin turut terlibat dalam sesi Minggu Destini Siswa(MDS) bagi menyampaikan taklimat perpustakaan. Taklimat perpustakaan ini telah disertai oleh pelajar baharu dari Fakulti Perladangan dan Agroteknologi dan Fakulti Sains Komputer dan Matematik.

Sesi tersebut telah berlangsung selama 1 jam bermula pada jam 9.30 pagi di dewan Auditorium UiTM Cawangan Melaka Kampus Jasin. Taklimat perpustakaan ini telah disampaikan oleh Encik Ahmad Nazri bin Jaafar, Pustakawan Kanan bagi menerangkan perkhidmatan digital yang disediakan oleh pihak perpustakaan. Turut dibantu oleh Encik Abdul Azim bin Ab. Ghani, Pustakawan di PTAR UiTM Cawangan Melaka Kampus Jasin bagi menerangkan penggunaan “Mobile Apps” yang digunakan di UiTM bagi memudahkan pelajar UiTM Cawangan Melaka Kampus Jasin akses perkhidmatan perpustakaan dihujung jari.

Diucapkan Selamat Datang kepada seluruh pelajar baru UiTM Cawangan Melaka Kampus Jasin dan Semoga Terus Maju Jaya!



**BENGKEL PENGENALAN WARISAN & PEMULIHARAAN
MELAKA 2022
20 OKTOBER 2022**

Disediakan oleh: Abdul Azim bin Ab. Ghani

BULETIN

IQRA

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
KAMPUS JASIN, MELAKA



20 Oktober 2022 – Melaka World Heritage Sdn. Bhd. dengan kerjasama Kelab Sukarelawan Kebajikan & Warisan Melaka telah menganjurkan “Bengkel Pengenalan Warisan & Pemuliharaan Melaka 2022” yang telah berlangsung selama 2 hari bermula 19 Oktober 2022 hingga 20 Oktober 2022 bertempat di Baba House Melaka. Turut serta menyertai program, En. Abdul Azim bin Ab.Ghani dan En. Muhammad Shafiq bin Snin dari PTAR UiTM Cawangan Melaka, Kampus Jasin.

Antara panel penceramahnya ialah En. Mohd Syahrin bin Abdullah dari Jabatan Warisan Negara, YBhg. Prof. Madya Dr. Asyari bin Muhamad dari Universiti Kebangsaan Malaysia, YBrs. Drs. Mohd Nasruddin bin Rahman dari Perbadanan Muzium Negeri Melaka, En Abidin bin Hassan dari Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia Negeri Melaka (MOTAC), Puan Noor Ibtisam binti Abdul Karim, UiTM Cawangan Melaka Kampus Alor Gajah dan En Nurman bin Mohd Baroldin, Institut Warisan Melaka (INSWA).

**TAKLIMAT PERPUSTAKAAN MINGGU PEMANTAPAN SISWA
(MPS) PTAR CAWANGAN MELAKA KAMPUS JASIN
21 OKTOBER 2022**

Disediakan oleh: Abdul Azim bin Ab. Ghani

BULETIN

IQRA

**PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
KAMPUS JASIN, MELAKA**



21 Oktober 2022 – Taklimat Minggu Pemantapan Siswa (MPS) telah diadakan kepada pelajar semester 1 dan 2 yang berlangsung di Auditorium, UiTM Cawangan Melaka Kampus Jasin. Pihak PTAR UiTM Cawangan Melaka Kampus Jasin juga telah dijemput untuk memberikan sesi taklimat mengenai perpustakaan seperti pengguna aplikasi PTAR Mobile App, pencarian maklumat di PTAR dan rujukan bahan dengan menggunakan perkhidmatan digital perpustakaan. Sesi taklimat perpustakaan ini telah disampaikan oleh Encik Abdul Azim bin Ab. Ghani, Pustakawan di PTAR UiTM Cawangan Melaka Kampus Jasin. Turut membantu, Puan Nor Hafizah binti Azaman, Pembantu Pustakawan PTAR UiTM Cawangan Melaka Kampus Jasin.



LAWATAN KERJA KETUA PUSTAKAWAN KE PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK UiTM CAWANGAN BANDARAYA MELAKA

6 OKTOBER 2022

Disediakan oleh: Siti Haidah Md Aziz

BULETIN

IQRA

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
KAMPUS BANDARAYA, MELAKA



Warga PTAR UiTM Cawangan Melaka, Kampus Bandaraya Melaka telah menerima lawatan kerja dari Ketua Pustakawan, Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) Universiti Teknologi MARA (UiTM), YBrs. Encik Jamalludin Haji Sulaiman bersama pegawai pengiring Puan Nor Azwani Mohamad, Timbalan Ketua Pustakawan, PTAR UiTM dan Puan Nurul Aida Noor Azizi, Pustakawan Kanan, PTAR UiTM. Lawatan kerja ini telah dijalankan secara bersempuka bermula jam 9.30 pagi hingga jam 12.00 tengah hari, bertempat di PTAR Aras 12 dan Aras 1 UiTM Kampus Bandaraya Melaka.

Lawatan dimulakan dengan sesi taklimat dan tontonan motaj aktiviti PTAR KBM sepanjang tahun 2022 serta soal jawab bersama staf juga diadakan dalam suasana santai. YBrs. Encik Jamalludin Haji Sulaiman juga turut memberikan ucapan dan kata-kata semangat kepada staf-staf PTAR KBM. Sesi ini membuka peluang kepada staf untuk bertanya, memberikan pandangan, cadangan atau isu yang dihadapi oleh staf. Dalam sesi ini, Ketua Pustakawan memaklumkan pentingnya membina jalinan kerjasama, terutama dengan Rektor dan Penolong Rektor cawangan dalam mewujudkan hubungan yang baik di antara pihak Pengurusan Kampus dan PTAR.

Lawatan ini diteruskan dengan meninjau persekitaran perpustakaan yang mempunyai dua aras iaitu Aras 1 dan Aras 12. Ketua Pustakawan juga turut meluangkan masa melawat projek Little Free Library yang telah dijalankan sejak tahun 2016. Beliau turut beramah mesra bersama Penolong Rektor UiTM Cawangan Melaka Kampus Bandaraya Melaka, Dr. Mohd Halim bin Mahphoth dan Pendaftar UiTM, Tuan Haji Muhamad Nizam bin Noordin yang kebetulan sedang mengadakan lawatan kerja ke kampus ini. Lawatan diakhiri dengan sesi bergambar bersama Ketua Pustakawan sebagai kenang-kenangan.



**PERARAKAN SAMBUTAN MAULIDUR RASUL
PERINGKAT NEGERI MELAKA
9 OKTOBER 2022**

Disediakan oleh: Siti Haidah Md Aziz

BULETIN

IQRA

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
KAMPUS BANDARAYA, MELAKA



9 Oktober 2022 – Tahniah kepada 60 orang peserta dari UiTM Cawangan Melaka telah bersama-sama berarak dari Stadium Tun Fatimah, Bukit Serindit ke Dataran Pusat Islam Melaka sempena Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Negeri Melaka Tahun 1444H/ 2022M, hari ini.

Kumpulan perarakan UiTMCN menyertai perarakan seramai lebih 5,000 peserta mewakili 118 kontinjen dalam majlis yang dirasmikan oleh Tuan Yang Terutama Tun Seri Setia (Dr.) Haji Mohd Ali Bin Mohd Rustam, Yang diPertua Negeri Melaka.

Kontinjen UiTMCN diwakili peserta dari ketiga-tiga kampus iaitu UiTM Kampus Bandaraya, UiTM Kampus Jasin dan UiTM Kampus Alor Gajah.



**TAKLIMAT PERPUSTAKAAN UiTMCM KAMPUS BANDARAYA
MELAKA SEMPENA MINGGU DESTINI SISWA SESI
OKTOBER 2022-FEBRUARI 2023**

11 OKTOBER 2022

Disediakan oleh: Siti Haidah Md Aziz

**BULETIN
IQRA**

**PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
KAMPUS BANDARAYA, MELAKA**



Sempena Minggu Destini Siswa (MDS) UiTM Cawangan Melaka (UiTMCM), Perpustakaan Tun Abdul Razak Kampus Bandaraya Melaka telah mengadakan Taklimat Orientasi Perpustakaan kepada pelajar baharu sesi Oktober 2022 – Februari 2023, pada 11 Oktober 2022,

Taklimat di adakan di Auditorium Ibu Zain, Aras 4, UiTM Kampus Bandaraya Melaka, seramai 247 orang pelajar telah mengikuti taklimat ini yang telah di sampaikan oleh Siti Haidah Md Aziz dan Mohd Hilmi Bin Mat Rosli, Pustakawan Kanan dan Pustakawan PTAR UiTM Cawangan Melaka Kampus Bandaraya Melaka.



LAWATAN KERJA KETUA PUSTAKAWAN KE PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK (PTAR) CAWANGAN MELAKA

5 OKTOBER 2022

Disediakan oleh: Hazlin Ibrahim Khan

BULETIN

IQRA

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
KAMPUS ALOR GAJAH, MELAKA



5 Oktober 2022 – Rabu, PTAR UiTM Cawangan Melaka, Kampus Alor Gajah telah menerima lawatan kerja dari Ketua Pustakawan, Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) Universiti Teknologi MARA (UiTM), YBrs. Encik Jamalludin Haji Sulaiman bersama pegawai pengiring Puan Nor Azwani Mohamad, Timbalan Ketua Pustakawan dan Puan Nurul Aida Noor Azizi, Pustakawan Kanan.

Program dimulakan dengan ucapan alu-aluan dari Puan Noor Hayati Abu Kassim, Timbalan Ketua Pustakawan, PTAR UiTM Cawangan Melaka, diikuti dengan ucapan dari YBrs. Encik Jamalludin Haji Sulaiman, Ketua Pustakawan, PTAR UiTM. Seterusnya, program diteruskan dengan Taklimat Perancangan Strategik PTAR UiTM daripada Puan Nor Azwani Mohamad, Timbalan Ketua Pustakawan. PTAR UiTM Cawangan Melaka telah menyediakan tayangan montaj bagi memaparkan aktiviti PTAR UiTM Cawangan Melaka, Kampus Alor Gajah sepanjang bulan Januari 2022 sehingga September 2022.

YBrs. Encik Jamalludin Haji Sulaiman telah dibawa melawat ke surau yang merupakan salah satu projek CSR PTAR UiTM Cawangan Melaka di Bangunan KPP 1 serta solat berjemaah bersama -sama staf PTAR. Seterusnya, Ketua Pustakawan juga telah dibawa melawat ke Unit Arkib Universiti PTAR UiTM Cawangan Melaka, dengan diiringi oleh Timbalan Ketua Pustakawan, Puan Noor Hayati Kassim, bersama pegawai pengiring dan staf PTAR UiTM Cawangan Melaka. Melalui lawatan ini, perbincangan dua hala dapat dijalankan bagi membuka ruang antara kedua-dua pihak bertukar pandangan seterusnya mengeratkan lagi hubungan kerjasama bagi meningkatkan prestasi perkhidmatan selaras dengan "Globally Renowned University".



MINGGU DESTINI SISWA (MDS): TAKLIMAT PERPUSTAKAAN PTAR CAWANGAN MELAKA, KAMPUS ALOR GAJAH

5 OKTOBER 2022

Disediakan oleh: Hazlin Ibrahim Khan

BULETIN

IQRA

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
KAMPUS ALOR GAJAH, MELAKA



5 Oktober 2022 – Rabu, PTAR UiTM Cawangan Melaka, Kampus Alor Gajah telah mengadakan Taklimat Perpustakaan bagi Minggu Destini Siswa (MDS) PTAR UiTM Cawangan Melaka, Kampus Alor Gajah. Taklimat perpustakaan ini telah dijalankan secara bersemuka di Dewan Taming Sari, UiTM Cawangan Melaka, Kampus Alor Gajah, 10.30 pagi hingga 11.30 pagi. Taklimat ini telah disampaikan oleh Encik Muhammad Firdaus Zakaria, Pembantu Pustakawan Kanan, dibantu oleh Puan Shahida Talip, Pembantu Pustakawan Kanan dan Puan Roslinah Harun, Pembantu Pustakawan Kanan, PTAR UiTM Cawangan Melaka.

Tujuan taklimat ini diadakan adalah untuk memberi pengenalan perpustakaan berkenaan dengan sistem yang digunakan, waktu operasi perpustakaan, program atau aktiviti yang dijalankan di PTAR UiTM dan sebagainya kepada pelajar baharu di UiTM Cawangan Melaka.



KUNJUNGAN HORMAT KE PEJABAT REKTOR CAWANGAN MELAKA, KAMPUS ALOR GAJAH

5 OKTOBER 2022

Disediakan oleh: Hazlin Ibrahim Khan

BULETIN

IQRA

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
KAMPUS ALOR GAJAH, MELAKA



5 Oktober 2022- Rabu, YBrs. Encik Jamalludin Haji Sulaiman, Ketua Pustakawan, Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) Universiti Teknologi MARA (UiTM) telah mengadakan kunjungan hormat ke Pejabat Rektor UiTM Cawangan Melaka, Kampus Alor Gajah pada jam 3.00 petang. Pertemuan antara Ketua Pustakawan PTAR UiTM dan Prof. Madya Ts. Dr. Hj. Rasdi Zaini, Rektor UiTM Cawangan Melaka merupakan perbincangan dua hala yang memberikan banyak input positif dalam penyampaian perkhidmatan perpustakaan kepada warga UiTM Cawangan Melaka khususnya.

Melalui kunjungan hormat ini, pihak PTAR UiTM juga dapat memantapkan hubungan kerjasama strategik yang baik antara dua pihak seterusnya meningkatkan lagi ketampakan PTAR UiTM ke peringkat yang lebih tinggi. PTAR UiTM mengucapkan setinggi terima kasih atas kesudian Prof. Madya Ts. Dr. Hj. Rasdi Zaini menerima kunjungan dari Ketua Pustakawan PTAR UiTM.



TAKLIMAT MINGGU EDU 5.0 MODUL INFORMATION LITERACY PTAR CAWANGAN MELAKA, KAMPUS ALOR GAJAH

12 OKTOBER 2022

Disediakan oleh: Hazlin Ibrahim Khan

**BULETIN
IQRA**

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
KAMPUS ALOR GAJAH, MELAKA



12 Oktober 2022 – Rabu, PTAR UiTM Cawangan Melaka, Kampus Alor Gajah telah mengadakan Taklimat Minggu EDU 5.0 Modul Information Literacy. Taklimat ini telah disertai oleh semua pelajar baharu UiTM Cawangan Melaka, Kampus Alor Gajah dan dijalankan secara atas talian menggunakan medium Cisco Webex, bermula 9.00 pagi hingga 4.30 petang serta dijalankan mengikut sesi yang telah ditetapkan oleh PTAR UiTM.

Seramai 1,866 orang pelajar baharu dan dikendalikan oleh Cik Hazlin Ibrahim Khan dan Puan Maznah Maarof, Pustakawan Kanan, PTAR UiTM Cawangan Melaka, Kampus Alor Gajah serta dibantu oleh Puan Roslinah Harun, Pembantu Pustakawan Kanan dan Encik Azhar Nordin, Pembantu Pustakawan Kanan, PTAR UiTM Cawangan Melaka, Kampus Alor Gajah.

Tujuan utama taklimat ini diadakan adalah memberi pendedahan awal kepada pelajar baharu berkaitan perkhidmatan PTAR UiTM bagi memudahkan pelajar mencari bahan di dalam perpustakaan, memberi tunjuk ajar kepada pelajar dalam melakukan sumber pencarian maklumat yang tepat melalui pengaksesan portal My Knowledge Management PTAR UiTM yang akan membantu proses pembelajaran mereka dan juga memperkenalkan kelebihan aplikasi "Mobile App @ PTAR UiTM" kepada pelajar.

Seluruh pihak PTAR UiTM Cawangan Melaka mengucapkan tahniah kepada semua pelajar dan selamat menggunakan perkhidmatan dari PTAR UiTM.



KEMBARA SEMANGAT MELAKA

12 OKTOBER 2022

Disediakan oleh: Abdul Azim bin Ab. Ghani



Untuk menonton semula :



12 Oktober 2022 – Satu sesi taklimat yang bertajuk Kembara Semangat Melaka oleh Bonda Nor telah diadakan di Bilik Seminar, UiTM Kampus Bandaraya Melaka dengan kerjasama antara Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) UiTM Cawangan Melaka Kampus Bandaraya dan PTAR UiTM Cawangan Melaka Kampus Jasin. Taklimat tersebut telah berlangsung selama 2 jam dan telah bermula pada jam 2.00 petang. Pada sesi tersebut, Bonda Nor telah berkongsi pelbagai motivasi diri yang terdapat didalam Hadis dan juga Al-Quran. Antara buku-buku motivasi Bonda Nor yang terhangat di pasaran adalah seperti Bangkit, Pagi, Wanita Bangkit, Cinta ke Syurga dan juga Allah Teratas. Jualan buku hasil penulisan Bonda Nor juga turut dijalankan di Bilik Seminar Aras 16, UiTM Cawangan Melaka Kampus Bandaraya.

Program ini bertujuan menyebarkan kebaikan ilmu dan inspirasi menerusi program penulisan, motivasi dan literasi. Selain itu juga, pada sesi tersebut Bonda Nor telah melakukan beberapa aktiviti bersama pelajar dan juga staf UiTM Cawangan Melaka yang hadir pada hari tersebut. Taklimat itu berlangsung secara bersemuka di Bilik Seminar Aras 16, UiTM Cawangan Melaka Kampus Bandaraya dan juga secara maya di Youtube PTAR UiTM Cawangan Melaka.



**PROGRAM LAWATAN SAMBIL BELAJAR DARI SEKOLAH
KEBANGSAAN NYALAS, JASIN, MELAKA KE PTAR
CAWANGAN MELAKA, ALOR GAJAH**

13 OKTOBER 2022

Disediakan oleh: Hazlin Ibrahim Khan

BULETIN

IQRA

**PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
KAMPUS ALOR GAJAH, MELAKA**



13 Oktober 2022, Khamis- Program lawatan sambil belajar dari Sekolah Kebangsaan Nyalas, Jasin, Melaka yang dikendalikan oleh Unit Kerjaya & Kaunseling telah dijalankan di Ruang Santai Point, PTAR UiTM Cawangan Melaka, Kampus Alor Gajah. Seramai 13 orang guru dan 60 orang murid terlibat dalam lawatan tersebut. Setelah taklimat dari Encik Mohd Bakri Husain, Pegawai Psikologi Kanan, UiTM Cawangan Melaka selesai, guru dan murid telah dibawa melawat ke ruangan Unit Digital PTAR, ruangan Aras 1 dan ruangan SAC PTAR UiTM yang diiringi oleh Puan Sariah Che' Man, Pembantu Pustakawan Tertinggi, PTAR UiTM Cawangan Melaka bersama staf PTAR.

PTAR UiTM Cawangan Melaka berharap dengan adanya lawatan seperti ini dapat memperkenalkan perkhidmatan – perkhidmatan yang ditawarkan oleh pihak PTAR UiTM kepada luar khususnya untuk murid sekolah.



LAWATAN AKADEMIK DARI CHIANG RAI RAJABHAT UNIVERSITY
(CRRU), THAILAND KE PTAR CAWANGAN MELAKA,
KAMPUS ALOR GAJAH
19 OKTOBER 2022

Disediakan oleh: Hazlin Ibrahim Khan

BULETIN
IQRA

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
KAMPUS ALOR GAJAH, MELAKA



19 Oktober 2022, Rabu – Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) UiTM Cawangan Melaka, Kampus Alor Gajah telah menerima Lawatan Akademik dari Chiang Rai Rajabhat University (CRRU), Thailand. Sera-mai 4 orang wakil CRRU telah membuat lawatan akademik ke perpustakaan selepas selesai menandatangani MoU antara UiTM dengan Chiang Rai Rajabhat University (CRRU), Thailand. Pihak PTAR amat mengalu-alukan kehadiran delegasi pelawat dari CRRU yang melawat sambil melihat karya seni dari CRRU yang telah dipamerkan di ruang Santai Point, PTAR UiTM Cawangan Melaka, Kampus Alor Gajah iaitu:

- 1) Dr. Natthaphon Santhi – Assistant President for International Affairs
- 2) Assoc. Prof. Dr. Ohm Pattanachoti – Faculty of Humanities
- 3) Asst. Prof. Suppharat Inthaniwet – Faculty of Humanities
- 4) Miss Pakinee Kanthikun – Foreign Relations Officer

Lawatan juga diiringi oleh pensyarah dari Kolej Pengajian Seni Kreatif, UiTM Cawangan Melaka. Melalui lawatan seperti ini ia dapat mempromosikan perkhidmatan terkini PTAR dalam menyokong usaha-usaha pembudayaan ilmu, penyelidikan dan perkongsian pengetahuan serta meningkatkan ketampakan PTAR ke peringkat yang lebih tinggi.



TAKLIMAT PERPUSTAKAAN SEMPENA PROGRAM PEMANTAPAN DESTINI SISWA, CAWANGAN KELANTAN KAMPUS KOTA BHARU

5 OKTOBER 2022

Disediakan oleh: Mohd Anuar Azmin

BULETIN

IQRA

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
KAMPUS KOTA BHARU, KELANTAN



Sempena Program Pemantapan Destini Siswa UiTM Cawangan Kelantan Kampus Kota Bharu (UiTMKKB), Perpustakaan Tengku Anis Uitm Cawangan Kelantan Kampus Kota Bharu (PTAKKB) telah mengadakan Taklimat Perpustakaan kepada pelajar baharu sesi Oktober 2022 – Februari 2023, pada 25 Oktober 2022 (Isnin).

Taklimat diadakan di Dewan DHS, UiTM Cawangan Kelantan, Kampus Kota Bharu, seramai 120 orang pelajar telah mengikuti taklimat dan Promosi Mobile Apps @ Library ini yang telah di sampaikan oleh Puan Rosmariyati Ab Rahman, Pustakawan Kanan di PTAKKB.



SAMBUTAN MAULIDUR RASUL PERINGKAT PTA


13 OKTOBER 2022

Disediakan oleh: Sazlina Saleh

BULETIN

IQRA

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
KAMPUS MACHANG, KELANTAN



Pada 13 Oktober 2022 (Khamis), Perpustakaan Tengku Anis (PTA) telah mengadakan Sambutan Maulidur Rasul Peringkat PTA Sempena Sambutan Maulidur Rasul SAW 1444H/2022. Majlis yang bermula pada pukul 8.00 pagi ini diadakan di Aras Satu PTA dan menjemput penceramah daripada Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) UiTMCK Kampus Machang, Dr. Ahmad Murshidi Mustapha (Pensyarah Kanan).

Majlis dimulai dengan ceramah oleh Dr. Ahmad Murshidi Mustapha dan dihadiri oleh semua staf PTA, staf UiTMCK dan pelajar yang datang ke PTA. Seterusnya berselawat dan salam buat Nabi Junjungan Rasulullah saw yang diketuai oleh Dr. Ahmad Murshidi. Semoga dengan majlis ini dapat menambahkan rasa kecintaan kepada Rasulullah SAW.



SEMINAR ANTARABANGSA PEMBANGUNAN SPIRITUAL MELALUI PENDEKATAN PSIKOSPIRITUAL DAN KAUNSELING

13 OKTOBER 2022

Disediakan oleh: Sazlina Saleh

**BULETIN
IQRA**

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
KAMPUS MACHANG, KELANTAN



SEMINAR ANTARABANGSA PEMBANGUNAN SPIRITAL MELALUI PENDEKATAN PSIKOSPIRITUAL DAN KAUNSELING

PEMBENTANG:

PERCUMA
untuk staf UiTMCK,
Universiti Fatoni,
Universiti Malaya
dan UnisZA

25
OKTOBER 2022

MASA: 9:00 PACI - 5:00 PETANG

LIVE YouTube PTA

Prof. Dr. Che Zarina Saari
Profesor Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam; Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya
Konsep dan Aplikasi Psikospiritual dalam Kehidupan Muslim

Dr. Mohd Nazri Mat Zin
Penyayang Kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UiTMCK
Kelebihan Mengajar Ketuhanan dalam Soal Sebagai Penyembuh Haluca

Prof Madya Dr. Abdul Manan Mohamad
Penyayang Kanan Jabatan Ilmu Wahyu & Pemikiran Islam; Pusat pengajian tesis UniZIA
Konsep Jiwa dan Perspektif Psikospiritual Islam

Che Azlina Che Pa
Pegawai Psikologi Kanan, Unit Kerjaya dan Kaunseling, UiTMCK
Pembangunan Jiwa dari Perspektif Kaunseling

Prof Madya Dr. Abdurrohman Chapakiya
Penyayang, Pengajian Islam, Universiti Fatoni, Thailand
Pembangunan Spiritual dari Perspektif Psikospiritual Islam

Anjuran: Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Unti Kerjaya dan Kaunseling & Perpustakaan Tengku Anis UiTM Cawangan Kelantan
Dengan kerjasama: Universiti Fatoni, Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya dan Fakulti Pengajian Umum dan Pendidikan Lanjut Universiti Sultan Zainal Abidin.

Hubungi: +609-9554988 (U. Nik Munirah)
+603-90427453 (Dr. Noraini Junoh)



25 Oktober 2022 – Seminar Antarabangsa Pembangunan Spiritual Melalui Pendekatan Psikospiritual dan Kaunseling telah diadakan secara hybrid iaitu secara fizikal bertempat di Aras 1 PTA dan siaran langsung melalui Saluran YouTube rasmi PTA. Seminar ini merupakan anjuran bersama Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Unit Kerjaya dan Kaunseling (UKK) & Perpustakaan Tengku Anis (PTA) UiTM Cawangan Kelantan dengan kerjasama Universiti Fatoni, Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya (UM) dan Fakulti Pengajian Umum dan Pendidikan Lanjut Universiti Sultan Zainal Abidin (UnisZA).

Seminar ini bermula pada jam 9:00 pagi hingga 5:00 petang yang bermula dengan ucapan aluan daripada Dr. Affendi Ismail, KPP ACIS seterusnya dirasmikan oleh YBRs. Prof. Madya Ts. Dr. Mohd Nasir Ismail, Timbalan Rektor HEA UiTMCK. Seminar yang diadakan ini telah mendapat sambutan yang menggalakkan dan komen yang positif daripada penonton samada secara maya melalui siaran langsung di YouTube atau secara fizikal. Seminar ini juga merupakan dibawah SDG: 4 "Quality Education" dan SDG 17: "Partnership for the Goals".



LAWATAN ILMIAH DARIPADA SEKOLAH MAAHAD SYAMSUL MAARIF (P)

13 OKTOBER 2022

Disediakan oleh: Sazlina Saleh

BULETIN

IQRA

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
KAMPUS MACHANG, KELANTAN



26 Oktober 2022 – Perpustakaan Tengku Anis (PTA) UiTMCK telah menerima kunjungan daripada Sekolah Maahad Syamsul Maarif (P) seramai 147 orang pelajar SPM dan 20 orang guru pengiring. Lawatan ini bermula pada jam 8:30 pagi sehingga 11:00 pagi bertempat di Aras satu PTA.

Lawatan ilmiah ini bertujuan untuk memberikan pendedahan kepada para pelajar mengenai program diploma yang ditawarkan di UiTM serta menambah pengetahuan pelajar mengenai beberapa program dan kursus yang ditawarkan sebagai persediaan untuk menyambung pengajian selepas tamat menduduki SPM.

Penerangan dan pendedahan mengenai syarat kemasukan serta program-program yang ditawarkan di UiTM disampaikan oleh Cik Nursyahida Zulkifli, Koordinator Kursus Pra-Diploma dan taklimat perpustakaan disampaikan oleh Puan Norfitriah Mat Seman, Pustakawan Kanan PTA Kampus Machang.

Semoga melalui lawatan ini dapat memberi pengetahuan kepada para pelajar mengenai UiTM terutamanya pendedahan kepada program-program yang ditawarkan sekaligus dapat menarik minat pelajar untuk menyambung pengajian di UiTM serta menambah pengetahuan mengenai perpustakaan terutamanya perkhidmatan yang disediakan samada dalam bentuk fizikal ataupun digital.

**TAKLIMAT PERPUSTAKAAN UiTMCT KAMPUS DUNGUN
SEMPENA MINGGU DESTINI SISWA SESI
OKTOBER 2022-FEBRUARI 2023
16 OKTOBER 2022**

Disediakan oleh: Abdul Hadi Idris

**BULETIN
IQRA**


PERPUSTAKAAN CENDEKIAWAN
KAMPUS DUNGUN, TERENGGANU



Sempena Minggu Destini Siswa (MDS) UiTM Cawangan Terengganu (UiTMCT), Perpustakaan Cendekian Kampus Dungun telah mengadakan Taklimat Orientasi Perpustakaan dan Lawatan Berpandu kepada pelajar baharu sesi Oktober 2022 – Februari 2023, pada 3 Oktober 2022, Isnin, yang lalu. Sesi yang telah bermula jam 2.30 petang ini telah melibatkan seramai 966 orang pelajar baharu pra-diploma dan diploma, yang dibawa masuk ke perpustakaan mengikut kumpulan.

Sesi ini telah dikendalikan oleh Unit Perkhidmatan Maklumat dan diketuai oleh Cik Asmahani binti Abdullah, Pustakawan Kanan, serta dibantu oleh beberapa orang staf sokongan perpustakaan yang lain, termasuk Cik Khadijah binti Sulaiman, pelajar latihan industri dari Fakulti Pengurusan Maklumat UiTM. Turut hadir ialah En. Shahrol Nizam bin Johol, Timbalan Ketua Pustakawan. Objektif taklimat dan lawatan pelajar baharu ke perpustakaan ini adalah untuk memberi pendedahan dan penerangan kepada mahasiswa baharu UiTMCT tentang perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan di perpustakaan. Juga diterangkan pada sesi ini adalah kaedah asas pencarian maklumat serta bahan rujukan secara fizikal serta akses kepada perpustakaan digital UiTM sebagai panduan bagi membantu pembelajaran dan penyelidikan mereka kelak.

Para pelajar juga digalakkan untuk memuat turun Mobile Apps @ UiTM Library dan menyertai saluran telegram Perpustakaan Cendekian UiTMCT bagi memudahkan mereka mendapatkan maklumat terkini mengenai aktiviti, kemudahan dan perkhidmatan perpustakaan. Di akhir sesi taklimat, semua pelajar diploma dimestikan untuk meminjam sekurang-kurangnya sebuah buku bagi membolehkan mereka merasai pengalaman meminjam buku dan menyesuaikan diri dengan suasana, prasana dan kemudahan yang terdapat di perpustakaan.



MAJLIS SEKALUNG BUDI, SEJAMBAK KASIH SEMPENA PERSARAAN STAF PERPUSTAKAAN CENDEKIAWAN UiTMCT

27 OKTOBER 2022

Disediakan oleh: Abdul Hadi Idris

BULETIN

IQRA

PERPUSTAKAAN CENDEKIAWAN
KAMPUS DUNGUN, TERENGGANU



Sempena menyambut Hari Malaysia 2022, Perpustakaan Cendekianan UiTM Cawangan Terengganu (UiTMCT) Kampus Dungun telah mengadakan aktiviti dalaman mengecat Jalur Gemilang sepanjang empat meter bertempat di ruang bacaan majalah. Aktiviti yang diadakan sehari sebelum Hari Malaysia ini telah disertai oleh seramai dua puluh orang staf dan seorang pelajar praktikal dari Fakulti Pengurusan Maklumat, UiTM Shah Alam.

Program ini merupakan julung kali diadakan oleh Perpustakaan Cendekianan di dalam bangunan perpustakaan, dan ianya merupakan salah satu inisiatif yang murni untuk menyemarakkan semangat patriotisme dan kemerdekaan di kalangan warga staf perpustakaan.

Di samping itu, jamuan makan pagi secara pot-luck juga turut diadakan bagi mengeratkan silaturahim dan semangat muhibah di kalangan staf. Adalah diharapkan program seperti ini dapat diadakan lagi pada masa akan datang serta dijadikan sebagai aktiviti tahunan bahagian. Jalur Gemilang yang telah siap dicat dipamerkan di bangunan perpustakaan setiap kali bulan kemerdekaan. Secara keseluruhan, aktiviti ini telah berjaya mencapai objektif yang ditetapkan.


3 OKTOBER 2022

Disediakan oleh: Nurmaisari Che Anuar

BULETIN

IQRA

PERPUSTAKAAN CENDEKIAWAN
KAMPUS KUALA TERENGGANU



Pada 3 Oktober 2022 (Isnin), Perpustakaan Cendekianan UiTMCT Kampus Kuala Terengganu telah mengadakan Taklimat Orientasi Perpustakaan kepada pelajar baharu sesi Oktober 2022 – Februari 2023 sempena Minggu Destini Siswa (MDS) UiTM Cawangan Terengganu (UiTMCT). Sesi taklimat yang berlangsung selama sejam bermula pada jam 4.00 petang bertempat di Dewan Lestari, UiTMCT Kampus Kuala Terengganu yang melibatkan seramai 360 orang pelajar baharu Diploma dan Sarjana Muda Fakulti Sains Komputer dan Matematik (FSKM).

Sesi ini dikendalikan oleh Cik Nurmaisari Che Anuar selaku Pustakawan di Perpustakaan Cendekianan UiTMCT Kampus Kuala Terengganu. Taklimat perpustakaan dilaksanakan bagi memberi pengenalan tentang fungsi utama yang disediakan oleh perpustakaan. Objektif utama taklimat pelajar baharu adalah memberi penerangan dan pendedahan tentang perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan oleh perpustakaan. Selain itu, penerangan mengenai kaedah pencarian maklumat turut diterangkan semasa taklimat bagi memberi gambaran kepada pelajar baharu. Pelbagai hebahan dan promosi turut diterangkan bagi memberi panduan kepada pelajar baharu untuk menggunakan sebagai bahan pembelajaran dan penyelidikan kelak.

Di akhir sesi taklimat, pihak perpustakaan mempromosikan kepada semua pelajar untuk memuat naik Mobile Apps@UiTM Library bagi memudahkan pencarian maklumat dan bahan yang diperlukan di perpustakaan.

Semoga sesi Taklimat Orientasi Perpustakaan kepada pelajar baharu sesi Oktober 2022 – Februari 2023 yang disampaikan dapat memberi manfaat dan menggalakkan kepada semua pelajar untuk menggunakan perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan di Perpustakaan Cendekianan UiTMCT Kampus Kuala Terengganu.

5 OKTOBER 2022

Disediakan oleh: Nurmaisari Che Anuar

BULETIN

IQRA

PERPUSTAKAAN CENDEKIAWAN
KAMPUS KUALA TERENGGANU



Pada 5 Oktober 2022 (Khamis), sempena Minggu Destini Siswa (MDS) UiTM Cawangan Terengganu (UiTMCT), Perpustakaan Cendekiawan UiTMCT Kampus Kuala Terengganu telah menerima lawatan dari pelajar baharu sesi Oktober 2022 – Februari 2023. Sesi lawatan bermula pada pukul 4.30 petang yang melibatkan 364 orang pelajar baharu diploma dan sarjana muda Fakulti Sains Komputer dan Matematik (FSKM) yang dibawa masuk ke perpustakaan mengikut kumpulan.

Sesi ini dikendalikan oleh Cik Nurmaisari Che Anuar dan dibantu oleh beberapa staf sokongan perpustakaan UiTMCT Kampus Kuala Terengganu. Objektif utama lawatan dilaksanakan bagi memberi pendedahan kepada pelajar baharu mengenai perkhidmatan yang disediakan kepada pelajar di kampus. Sedikit penerangan mengenai koleksi buku, majalah dan beberapa ruang yang disediakan untuk kegunaan pelajar antaranya ruang bacaan, ruang santai dan ruang majalah. Selain itu, pelajar turut diterangkan mengenai perkhidmatan kaunter utama dan kaunter perkhidmatan yang di perpustakaan.

Semoga sesi Lawatan ke Perpustakaan kepada pelajar baharu sesi Oktober 2022 – Februari 2023 yang disampaikan dapat memberi manfaat dan menggalakkan kepada semua pelajar untuk menggunakan perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan di Perpustakaan Cendekiawan UiTMCT Kampus Kuala Terengganu.

**SHARING SESSION DAN TOT PTAR
UiTM CAWANGAN PULAU PINANG
6 OKTOBER 2022**

Disediakan oleh: Rafidah Muhamad Sam

BULETIN

IQRA

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
KAMPUS PERMATANG PAUH, PULAU PINANG



Permatang Pauh, 6 Oktober 2022 – Seramai 25 orang staf PTAR Kampus Permatang Pauh dan Kampus Bertam serta 2 orang pelajar latihan industri telah menghadiri sesi perkongsian ilmu yang dijalankan di Pusat IT, PTAR UiTM Kampus Permatang Pauh.

Sesi ini diadakan bertujuan untuk berkongsi ilmu dan maklumat yang diperoleh melalui kursus-kursus yang telah dihadiri oleh staf PTAR UiTM Cawangan Pulau Pinang di PTAR Shah Alam. Antara perkongsian yang disampaikan ialah Pembangunan Laman Web Baharu 2022, Disability Equality Training (DET), Pemantapan Kandungan Digital Repotori dan Pemantapan Special Collection Integrated System.



**KUNJUNGAN HORMAT PTAR KEPADA REKTOR
UiTM CAWANGAN PULAU PINANG
17 OKTOBER 2022**

Disediakan oleh: Rafidah Muhamad Sam

BULETIN

IQRA

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
KAMPUS PERMATANG PAUH, PULAU PINANG



Perpustakaan
Tun Abdul Razak
Cawangan Pulau Pinang

**KUNJUNGAN HORMAT PTAR
KEPADÄ REKTOR**

*UiTM
Cawangan Pulau Pinang*

17 Oktober 2022
4.00 petang



Pada 17 Oktober 2022 satu kunjungan hormat kepada Rektor UiTM Cawangan Pulau Pinang, YBrs. Professor Madya Ir. Dr. Ahmad Rashidy Razali telah diadakan selaras dengan perlantikan baharu beliau sebagai Rektor kampus.

Kunjungan hormat yang diketuai oleh Timbalan Ketua Pustakawan, Pn. Hayati Mokhtaram dan En. Nurulizwan Amir, Pustakawan Kanan bertujuan memperkenalkan perkhidmatan perpustakaan digital terkini oleh PTAR iaitu PTAR Mobile App dan Portal MyKM.

Semoga dengan kunjungan hormat ini dapat mengeratkan hubungan antara pengurusan tertinggi kampus dengan PTAR seterusnya dapat meningkatkan ketampakan PTAR dalam menyumbang ilmu dan kepakaran literasi kepada warga kampus.



Cawangan Pulau Pinang
Kampus Permatang Pauh

UiTM di hatiku

PTAR
Library for All



Pertemuan Timbalan Ketua Pustakawan bersama
rektor UiTM CPP yang baharu



HAPPY LEARNING CARNIVAL@PTAR
UiTMCPP KAMPUS PERMATANG PAUH
26 - 27 OKTOBER 2022

Disediakan oleh: Rafidah Muhamad Sam

BULETIN
IQRA

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
KAMPUS PERMATANG PAUH, PULAU PINANG



Pada 26 dan 27 Oktober 2022 yang lalu, PTAR UiTM Cawangan Pulang Pinang Kampus Permatang Pauh telah mengadakan Program Happy Learning Carnival@PTAR. Ianya bertujuan untuk merapatkan hubungan antara perpustakaan dengan warga kampus khususnya pelajar selain mempromosikan perkhidmatan dan kemudahan terkini yang disediakan oleh perpustakaan.

Antara aktiviti yang dijalankan pada hari pertama termasuk program ceramah "Manisnya Senyumanmu", pameran penjagaan kesihatan pergigian oleh Klinik Pergigian Kubang Semang serta pemeriksaan gigi secara percuma oleh Klinik Pergigian Bergerak Butterworth. PTAR turut menyediakan booth Perpustakaan Digital bagi mempromosi perkhidmatan Mobile App@UiTM Library dan portal MyKnowledge Management kepada pengunjung perpustakaan yang hadir pada hari tersebut.

Sepanjang karnival ini berlangsung, terdapat juga pameran "A Walk Through Time UiTM Cawangan Pulang Pinang (1996-2002)" yang memaparkan gambar-gambar yang menggamit memori sekitar ITM di Permatang Pasir dan di Permatang Pauh. Pengunjung turut berpeluang meminjam buku-buku baharu koleksi perpustakaan yang disediakan di ruang pameran serta menyertai pelbagai aktiviti permainan menguji minda dan permainan interaktif yang menarik.

Sesi perkongsian 3E-Expose, Explore, Express: "I Love Myself" bersama Encik Mohd Zulkhairi Ibrahim, Pegawai Psikologi Kanan Kampus Permatang Pauh telah membuka tirai karnival pada hari kedua dan ianya dihadiri oleh para pelajar dan staf UiTMCPP. Perkongsian selama 1 jam setengah ni membawa penonton mengenali diri sendiri dan mencintai diri sendiri agar dapat menjalani hidup dengan tenang dan bersemangat.

Dengan pelaksanaan program ini, diharap ia dapat menarik minat warga kampus mengunjungi perpustakaan dan memanfaatkan sepenuhnya kemudahan serta perkhidmatan yang disediakan, seterusnya menggalakkan warga kampus khususnya pelajar untuk menyertai aktiviti-aktiviti edutainment yang dianjurkan oleh perpustakaan.

**PROGRAM "HAPPY LEARNING CARNIVAL":
ANJURAN PTAR KAMPUS BERTAM
27 OKTOBER 2022**

Disediakan oleh: Nurhayati Hassan

BULETIN

IQRA

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
KAMPUS BERTAM, PULAU PINANG



Untuk menonton semula :



Pada 27 Oktober 2022, PTAR UiTMCP Kampus Bertam telah melancarkan Program Happy Learning Carnival bermula jam 9.00 pagi hingga 4.00 petang. Program ini bertempat di PTAR UiTMCP Kampus Bertam melibatkan para pelajar dan staf UiTMCP Kampus Bertam.

Pelbagai aktiviti yang menarik dan berinformasi telah berjaya dilaksanakan sepanjang program seperti Kempen Derma Darah, PTAR Got Talent, Mental Health Quizizz, Kuiz Pangkalan Data, LCC Match Game, Book Trolley Race dan Kempen Jom Pinjam Buku. Selain itu, program ini juga menyediakan beberapa perkhidmatan seperti Semakan Point MyKM, Pendaftaran UiTM Library Apps dan Perkhidmatan Booth Unit-Unit di UiTM Bertam. Antara Unit-unit yang telah mengambil bahagian ialah Unit Kaunseling, Unit Hal Ehwal Pelajar, Unit Kesihatan, Unit Kebudayaan, Unit Infostruktur, Fakulti Farmasi, Jabatan Fisioterapi, Jabatan Pemulihan Cara Kerja, Jabatan Teknologi Makmal Perubatan dan Jabatan Kesihatan Persekutuan.

Bagi merealisasikan Kempen Derma Darah, PTAR UiTMCP Kampus Bertam telah berkolaborasi dengan Unit Tabung Darah, Hospital Sultan Abdul Halim, Sungai Petani. Seramai 60 peserta telah menyertai kempen ini dan sebanyak 48 beg darah berjaya diperolehi.

Dalam masa yang sama, PTAR juga turut menjalankan kerjasama dengan pasukan Pejabat Kesihatan Daerah Seberang Perai Utara. Pejabat Kesihatan Daerah memberi perkhidmatan Saringan Tibi secara percuma kepada para pelajar dan staf yang hadir ke program tersebut. Kedua-dua kerjasama ini mendapat sambutan yang amat menggalakkan daripada warga kampus Bertam.

Program Happy Learning Carnival ini dimeriahkan lagi dengan aktiviti PTAR Got Talent. Aktiviti ini adalah sebuah platform yang menggalakkan pelajar dan staf untuk tampil ke pentas mencungkil bakat terpendam mereka. Dengan keberanian yang ditunjukkan mereka, tidak hairanlah bahawa UiTMCP Kampus Bertam mempunyai ramai pelajar dan staf yang berbakat terutamanya dalam bidang nyanyian.

Selain daripada mencapai matlamat program bagi menggalakkan warga UiTM Kampus Bertam berkunjung ke perpustakaan dan mempromosikan perkhidmatan, koleksi dan kemudahan perpustakaan, program ini dapat memupuk kesedaran mengenai kepentingan derma darah, mengasah bakat dan keyakinan pelajar, menambah ilmu pengetahuan mengenai pelbagai unit dan program yang ditawarkan di UiTMCP Kampus Bertam serta menggalakkan aktiviti luar dewan kuliah.

MINGGU DESTINI SISWA (MDS): TAKLIMAT PERPUSTAKAAN

6 OKTOBER 2022

**BULETIN
IQRA**

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
KAMPUS JENGKA, PAHANG

Disediakan oleh: Noor Azliza Aziz



Taklimat Minggu Destini Siswa (MDS) telah berlangsung pada 6 Oktober 2022 (Khamis) jam 2.15 petang bertempat di Dewan Indera Segara. Taklimat Minggu Destini Siswa UiTM Cawangan Pahang ini telah disampaikan oleh Cik Muniratul Husna Mohamad Zaki, Pustakawan dari Perpustakaan Al-Bukhari UiTM Cawangan Pahang Kampus Jengka serta dibantu oleh staf-staf perpustakaan yang lain.

Tujuan utama taklimat ini diadakan adalah bagi memberi pendedahan awal kepada mahasiswa dan mahasiswi tentang kepentingan perpustakaan, kemudahan serta bahan koleksi fizikal dan digital yang tersedia untuk kegunaan para pelajar sepanjang pembelajaran meraka di UiTM Cawangan Pahang seiring dengan Sustainable Development Goals (SDG) 4: Quality Education.

Sejajar dengan konsep Perpustakaan Digital, pihak Perpustakaan UiTM Cawangan Pahang juga berkongsi tentang tatacara pencarian koleksi bahan digital yang terdapat di dalam laman sesawang Perpustakaan serta pencarian koleksi kertas soalan (Exam paper) melalui Mobileapp@UiTMLibrary. Sesi taklimat ini juga dimeriahkan lagi dengan slot Quizizz dimana pelajar perlu menjawab soalan kuiz atas talian berdasarkan taklimat yang telah disampaikan oleh penceramah. Selain itu, sesi taklimat MDS ini turut dihadiri oleh Puan Hajah Rosnita Ja'afar, Timbalan Ketua Pustakawan yang turut menyampaikan amanat kepada para pelajar baharu agar mereka lebih bersemangat untuk memulakan pembelajaran mereka di UiTM Cawangan Pahang Kampus Jengka.

Semoga perkongsian yang telah disampaikan ini dapat memberi impak dan input berguna buat para pelajar baharu sesi 1 2022/23.

LAWATAN SAMBIL BELAJAR DARIPADA SEKOLAH KEBANGSAAN ULU TEMBELING PAHANG

6 OKTOBER 2022

Disediakan oleh: Noor Azliza Aziz

BULETIN

IQRA

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
KAMPUS JENGKA, PAHANG



Perpustakaan Al-Bukhari telah menerima lawatan sambil belajar daripada Sekolah Kebangsaan Ulu Tembeling pada 19 Oktober 2022. Lawatan melibatkan seramai 36 orang pelajar Tahap 2 dan 4 orang guru pengiring. Pihak perpustakaan berpeluang untuk berkongsi maklumat berkaitan perkhidmatan dan kemudahan perpustakaan yang disediakan serta slot khas bertajuk "Read a Loud" telah dilaksanakan bagi memupuk minat membaca serta kenyakinan yang tinggi dalam diri para pelajar seiring dengan Sustainable Development Goals (SDG) 4: Quality Education.

Program ini telah dikendalikan oleh Cik Muniratul Husna Mohamad Zaki, Pustakawan dari Perpustakaan Al-Bukhari UiTM Cawangan Pahang Kampung Jengka. Semoga semua pelajar dapat mempraktikkan ilmu yang disampaikan dengan sebaik mungkin. Selamat Maju Jaya!



LAWATAN SAMBIL BELAJAR DARIPADA SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN PULAU TAWAR JERANTUT PAHANG

6 OKTOBER 2022

Disediakan oleh: Noor Azliza Aziz

BULETIN

IQRA

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
KAMPUS JENGKA, PAHANG



Pada 19 Oktober 2022 pihak Perpustakaan Al-Bukhari telah menerima lawatan sambil belajar daripada Sekolah Menengah Kebangsaan Pulau Tawar. Lawatan melibatkan seramai 40 orang pelajar tingkatan 5 dan 4 orang guru pengiring. Pihak perpustakaan berpeluang untuk berkongsi maklumat berkaitan perkhidmatan dan kemudahan perpustakaan yang disediakan serta memberi tunjuk ajar cara pencarian maklumat yang efektif dan berkualiti seiring dengan Sustainable Development Goals (SDG) 4: Quality Education.

Maklumat ini telah disampaikan oleh Cik Muniratul Husna Mohamad Zaki, Pustakawan dan Encik Ahmad Fadhil Mohamad Yusof, Pembantu Pustakawan Kanan dari Perpustakaan Al-Bukhari UiTM Cawangan Pahang Kampus Jengka. Semoga semua pelajar dapat mempraktikkan ilmu yang disampaikan dengan sebaik mungkin. Selamat Maju Jaya!



**TAKLIMAT PERPUSTAKAAN SEMPENA PROGRAM MINGGU
DESTINASI SISWA (MDS) UiTM CAWANGAN SABAH SESI
OKTOBER 2022
5-6 OKTOBER 2022**

Disediakan oleh: Sharmila Tawakkal

**BULETIN
IQRA**

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
KAMPUS KOTA KINABALU, SABAH



Pada 5 hingga 6 Oktober 2022 (Rabu – Khamis) telah diadakan Program Minggu Destini Siswa (MDS) UiTM Cawangan Sabah Sesi Oktober 2022 (Diploma/Ijazah) yang diadakan di Dewan Al-Bukhari, Ujana Sarjana UiTM Cawangan Sabah.

Taklimat Perpustakaan telah disampaikan oleh Encik Romi Rampun @ Ramlan, Timbalan Ketua Pustakawan, dibantu oleh Pustakawan Kanan dan staf PTAR Sabah.



**MESYUARAT TIMBALAN NAIB CANSELOR HAL EHWAL PELAJAR
ERSAMA TIMBALAN-TIMBALAN REKTOR HEP DAN
TIMBALAN-TIMBALAN DEKAN HEP UiTMCT**

14 OKTOBER 2022

Disediakan oleh: Sharmila Tawakkal

**BULETIN
IQRA**

**PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
KAMPUS KOTA KINABALU, SABAH**



Pada 14 Oktober 2022 (Jumaat) Perpustakaan UiTM Cawangan Sabah dengan berbesar hati telah menerima lawatan daripada YBhg. Prof. Dr Haji Mohd Sazili Shahibi, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar UiTM berserta rombongan bersempena dengan Mesyuarat Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar Bersama Timbalan-Timbalan Rektor HEP Dan Timbalan-Timbalan Dekan HEP UiTM yang telah diadakan di Aras 2, Menara Pustaka, PTAR UiTM Sabah.



**LAWATAN PENANDAARASAN DARIPADA INSTITUT
PERGURUAN MAKTAB GAYA, KOTA KINABALU**
19 OKTOBER 2022

Disediakan oleh: Sharmila Tawakkal

**BULETIN
IQRA**

**PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
KAMPUS KOTA KINABALU, SABAH**



Pada 19 Oktober 2022 (Rabu), PTAR UiTM Sabah amat berbesar hati menerima lawatan penandaarasan daripada Institut Perhuruan Maktab Gaya, Kota Kinabalu ke Perpustakaan UiTM Cawangan Sabah.

Pihak PTAR telah mengadakan "Library Tour" untuk melawat sekitar Perpustakaan dan memperkenalkan perkhidmatan, kemudahan dan koleksi yang ada di Perpustakaan. Selain itu juga, rombongan telah dibawa untuk melihat gerak kerja setiap unit yang ada di perpustakaan.



PROMOSI@PTAR

INFORMATION LITERACY CLASS



Perpustakaan
Tun Abdul Razak

Unleashing Potentials
Shaping the Future

INFORMATION LITERACY CLASS

Want to learn how to find references easily? Let's Join
Our **Information Literacy Class**

Booked your slot



MODULES AVAILABLE

- LSC100:** INTRODUCTION TO LIBRARY SYSTEM
- LSC101:** INTRODUCTION TO ELECTRONIC RESOURCES
- LSC102 :** ONLINE DATABASE FOR LITERATURE
- LSC200 :** ADVANCED LITERATURE SEARCH (SCOPUS)
- LSC201 :** ADVANCED LITERATURE SEARCH (WOS)

- LMS300:** LIBRARY MANAGEMENT SOFTWARE (ENDNOTE)
- LMS301:** LIBRARY MANAGEMENT SOFTWARE (MENDELEY)
- LMS302:** EASY WRITE WITH MICROSOFT WORD
- LSA400:** PUBLICATION ETHICS & PUBLISHING TOOLS
- LSA401:** OPEN ACCESS FOR SCHOLARLY PUBLICATION
- LSA402:** GOOGLE SCHOLAR & GOOGLE DRIVE



FOR ANY INQUIRIES
YOU MAY CONSULT WITH OUR
REFERENCE LIBRARIAN

| <https://ptar.uitm.edu.my/libchat/> |



SCAN ME





جامعة تunk عبد رازاق
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Perpustakaan
Tun Abdul Razak



UiTM *di hatiku*



@libraryuitm



@libraryuitm



@perpustakaanuitm



@uitmlibrary



@perpustakaanuitm

Hubungi kami:



03-5544 3731



korporatptar@uitm.edu.my



Unit Penerbitan dan Pemasaran,
Bahagian Komunikasi Korporat,
Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR),
UiTM Shah Alam.

